

FAKTOR UTAMA KONFLIK ETNIK DAN KEMAMPUAN GAGASAN 1MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF MAHASISWA

Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa, Wan Sopian Sori¹
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Pelbagai faktor konflik etnik yang dikenalpasti, namun paling ketara menurut pandangan mahasiswa berdasarkan pengamatan adalah peranan yang dicetuskan oleh pendokong atau kepimpinan politik kepartian dan menyokong parti yang taksab dan tiada toleransi. Begitu juga isu kepercayaan dan keagamaan dalam konteks adat dan ibadat. Kemampuan capaian gagasan 1Malaysia turut dipersoalkan. Mahasiswa tidak meletakkan keyakinan sepenuhnya terhadap usaha kerajaan ini. Faktor utama konflik dan isu keyakinan generasi muda perlu diberikan kecaknaan tinggi oleh semua pihak.

1. Pendahuluan

Konflik hubungan etnik di Malaysia berada pada tahap yang minima. Menurut Indeks Keamanan Global 2012, Malaysia berada di tangga ke 20 negara paling aman dunia dan ke 4 di Asia.² Namun pengukuran faktor perlu juga diadakan bertujuan menafikan sepenuhnya faktor konflik dari terus merebak. Pandangan generasi muda perlu diambilkira, ini kerana merekalah pemimpin masa hadapan negara. Justeru kajian ini mengetengahkan faktor yang mendominasi dan paling kurang perhatian. Gagasan 1Malaysia juga perlu dilihat sejauhmana memberi kesan kepada usaha perpaduan Masyarakat.

1.1 Definisi tajuk³

Konflik adalah merujuk kepada perkataan *conflict* iaitu pertelingkahan, pertikaian dan perbalahan. Konflik adalah cetus awal kepada aktiviti yang tidak sihat sehingga membawa kepada peristiwa

¹ Ketiga-tiga pengkaji adalah pensyarah Hubungan Etnik di Universiti Malaysia Kelantan.

² Global Peace Index (2012), Prof. Dr. Mansor Mohd Noor, Institut Kajian Etnik (KITA). Universiti Kebangsaan Malaysia.

³ Kamus Dwibahasa (1990), Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur dan Kamus Dwibahasa Oxford fajar (2001), Penerbit Fajar Bakti. Kuala Lumpur dan kamus Pelajar Bahasa Malaysia (2001) Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

buruk atau malapetaka. Ia berlaku samada bersifat individu atau berkumpulan, dalam kajian ini ia bersifat pertentangan antara etnik.

Manakala **mampu** merujuk kepada perkataan *able*, *having ability* dan *afford* iaitu ada kesanggupan dan berkebolehan melakukan. Kefahaman jelas berkenaan mampu merujuk kepada dua keadaan; iaitu kesanggupan melaksana dan kebolehan menyelesaikan laksana. Oleh itu dalam konteks kajian ini, ia dilihat dalam kedua-dua keadaan tersebut iaitu kesanggupan kerajaan dalam erti kata keikhlasan dan kerelaan tanpa prejudis terhadap usaha 1Malaysia dan kebolehan kerajaan dalam mencapai kejayaan sepenuhnya usaha 1Malaysia.

Perspektif bermaksud cara melukis sesuatu benda pada permukaan rata atau pandangan dan pentafsiran yang wajar berkenaan sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya, dalam erti kata tinjauan yang objektif. Perspektif dalam kajian ini ingin mendapat penilaian wajar dan matang dari mahasiswa berkenaan isu yang dibincangkan.

1Malaysia ialah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Ianya dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. Gagasan ini berteraskan beberapa nilai-nilai yang seharusnya menjadi amalan. Ianya menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Satu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya bagi memupuk perasaan hormat menghormati. Agenda pembinaan Negara ini bertujuan mencapai kemajuan negara Rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu dengan menerapkan sikap penerimaan antara kaum dan akhirnya merealisasikan '**rakyat didahulukan pencapaian diutamakan**'.

Model gagasan 1Malaysia adalah sebagaimana berikut:



Mahasiswa pula adalah merujuk kepada pelajar institusi pengajian tinggi. Dalam skop kajian ini, mahasiswa dirujuk kepada responden yang terdiri daripada pelajar tahun satu ijazah pertama di Universiti Malaysia Kelantan merangkumi komposisi etnik rakyat Malaysia amnya.

1.2 Kedudukan Hubungan Etnik di Malaysia

Semenjak sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu (1957) lagi negara ini sudah berkomposisi penduduk pelbagai etnik (J.S Furnivall) berpunca dari polisi pemerintahan penjajah. Kehidupan mereka adalah terpisah dari sudut pendidikan, kuasa ekonomi dan penempatan dan politik. Namun selepas Kemerdekaan, masyarakat semakin berusaha untuk hidup bersama. (Chew Hock Thye. 1975)

Perkembangannya bersifat pesaingan, ketegangan dan konflik. Walaupun ianya tidak dilihat ketara dari sudut sejarahnya, namun penceritaan masyarakat menampakkan ianya bersifat perbahasan dari perspektif konflik (Chamil Wariya. 2010). Secara mudah ia berkonsepkan *tongue wagging*, *Time bomb* dan *boby trap*. Walaupun wujud konflik, usaha kesatuan turut berlaku kerana rakyat Malaysia cintakan stabiliti kesepaduan social dan kemajuan, bukan *violence option*.

Keadaan ini diperakui oleh dunia. Pada 2010, Barack Obama, Presiden Amerika dan Hillary Clinton di Kuala Lumpur telah mengistiharkan Malaysia sebagai model negara Islam moderat yang progresif dan maju.⁴

Perkembangan hubungan etnik secara optimisnya dapat dilihat berdasarkan perkembangan paradigma masyarakat Malaysia sebagaimana berikut:

Era Perubahan	Anjakan paradigma dari sudut:
1950-an	Pengklasifikasian Etnik
1960-an	Pengkayaan Budaya
1970-an	Perubahan Kelas sosial
1980-an	Pengenalan Identiti
2000-an	Pengurusan Kerencaman sosial
2010-an	Usaha kesepaduan sosial

Sumber: Shamsul Amri (ed.) Modul Hubungan Etnik, 2012.

2. Latar Kajian dan Perinciannya

Kajian ini dilakukan di Universiti Malaysia Kelantan. Responden adalah terdiri daripada pelajar yang telah diberikan penerapan nilai dan pengetahuan berkenaan Hubungan Etnik dan perpaduan dari sudut konvensional mahupun nilai keagamaan.

⁴ Ucapan Barack Obama semasa di Kaherah dan Tokyo. (Shamsul Amri, 2012)

Secara demografi, seramai 843 responden telah dipilih berdasarkan populasi kependudukan rakyat Malaysia. Daripada bilangan responden, 61% adalah terdiri dari kalangan Melayu, 19% adalah mahasiswa berketurunan Cina, 9% adalah India dan 11% masyarakat bumiputera. Peratusan Lelaki dan perempuan adalah seimbang dengan bilangan perempuan lebih ramai, begitu juga dari sudut anutan agama.

Instrumen yang dibina berdasarkan maklumat umum rakan penyelidik Institut Kajian Etnik dan pengamatan pengkaji yang berpengalaman mengajar dan menyelidik bidang pengajian etnik. Walaupun nampak ringkas, namun mencakupi keperluan awal data yang boleh dikembangkan. Soalan Bahagian A difokuskan kepada memilih tiga faktor utama konflik hubungan antara masyarakat di Malaysia. Item faktor di bawah ditentukan kepada perspektif awal yang diamati daripada beberapa kajian lepas;

- | | |
|---|---------------------------------|
| 1. Perbezaan genetik/Ras dan etnik | 6. Sokongan Kumpulan sukan |
| 2. Kelainan bahasa pertuturan | 7. Persaingan bisnes/perniagaan |
| 3. Warna kulit dan bentuk fizikal | 8. Fesyen dan kegiatan harian |
| 4. Agama dan kepercayaan | 9. Penempatan dan kejiiran |
| 5. Politik kepartian dan kepimpinan parti | 10. Lain-lain: nyatakan..... |

Pilihan jawapan secara berstruktur dan terbuka ini memberi ruang bebas pilihan kepada responden. Soalan Bahagian B seterusnya menekankan kepada faktor yang lansung tidak memberi kesan buruk kepada hubungan etnik. Jawapan perlu turut merujuk kepada faktor sedia ada pada soalan pertama tadi. Responden turut diberi ruang untuk menyatakan faktor selain yang diberikan sekiranya dirasakan perlu diketengahkan.

Kemudiannya pada Bahagian C, kajian ini ingin melihat sejauhmana pendekatan gagasan 1Malaysia mampu membina perpaduan menurut perspektif responden. Mereka perlu meletakkan jawapan pada skala nominal berdasarkan ukuran di bawah.

Tidak mampu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Teramat mampu
-------------	---	---	---	---	---	---	---	---	---	----	---------------

Pengisian instrumen ini dilakukan sebaik sahaja responden tamat pengkuliahan silibus Hubungan Etnik. Responden memberikan komitmen terbaik dengan menjawab tanpa gangguan dan provokasi mana-mana pihak.

2.1 Dapatan Kajian

Selepas pengumpulan dan penganalisan data, beberapa penemuan berjaya diketengahkan sebagaimana berikut:

Bahagian A: Pilihan tiga faktor utama konflik hubungan antara masyarakat di Malaysia.

No.	Item	Bil. Setuju
1	Perbezaan genetik/ras dan etnik	306
2	Kelainan bahasa pertuturan	273
3	Warna kulit dan bentuk fizikal	106
4	Agama dan kepercayaan	507
5	Politik kepartian dan kepimpinan parti	659
6	Sokongan kumpulan sukan	43
7	Persaingan bisnes/perniagaan dan kerjaya	217
8	Fesyen, budaya dan kegiatan harian	58
9	Penempatan dan kejiranan	227
10	Lain-lain: nyatakan...	2(Individualistik)

Pernyataan diketengahkan bermula dari faktor TIDAK UTAMA dahulu;

Berdasarkan pilihan yang diberikan, jelas menampakkan semangat kesukanan hanya bersifat bermusim. Ini kerana berkebetulan semasa instrumen diberikan pertandingan bola sepak Piala Malaysia sudah berakhir dan rakyat Malaysia kesemua menyokong Harimau Malaya dalam memenangi Piala AFF Suzuki. Walaupun konflik tetap wujud semasa pertandingan berlansung, namun ia hanya bersifat jangka pendek. Perlu diingat, walaupun bersifat jangka pendek, bahayanya tetap besar sekiranya tidak dibendung dengan kawalan rapi.

Seterusnya apa yang menarik, perbezaan fesyen, bentuk budaya dan kegiatan harian tidaklah menjadi faktor besar konflik etnik. Begitu juga berkaitan warna kulit dan bentuk fizikal. Ini mungkin disebabkan rakyat Malaysia sudah biasa melihat perbezaan ini yang mungkin pada mereka adalah satu bentuk variasi yang biasa. Bahkan berdasarkan hasrat kerajaan, inilah keunikan Malaysia yang perlu dibangga dan dikekalkan. Namun perlu diingatkan masih ada lebih kurang 10% responden yang masih tidak menyenangi perkara ini.

Seramai 217 reponden pula menyatakan persaingan dalam dunia perniagaan dan kerjaya amnya turut menampakkan jurang antara etnik. Konflik wujud melibatkan soal autonomi dan monopoli kuasa ekonomi. Faktor tidak dinafikan, ia tidaklah dilihat sebagai kritikal selagi tiada unsur atau gerakan diskriminasi dan sabotaj yang ketara.

Faktor Penempatan dan kejiranan turut dilihat boleh menyumbang masalah etnik sekiranya adat kejiranan tidak dijaga dengan baik. Peristiwa Kampung Medan dan Kampung Rawa antara kes disebabkan ketidakperhatian jiran tetangga terhadap sensitiviti etnik lain.

Seramai 273 responden melihat kelainan bahasa pertuturan turut adalah faktor konflik. Perkara utama apabila diajukan soalan lisan kepada pelajar ialah kerana pada mereka terdapat unsur prejudis dan stereotaip yang ketara. Contohnya kaum melayu yang tidak memahami apa yang rakan Cina dan India bualkan dalam bahasa mereka yang berbetulan berada dalam kawanannya.

Faktor di atas disokong oleh pernyataan berkenaan kelainan ras, genetik dan etnik. Walaupun hakikat bahawa Cina, India dan Melayu adalah dari ras yang sama, mereka tidak mahu berkongsi bahawa mereka adalah sama sepenuhnya, dengan hakikat bahawa mereka berbeza dari pelbagai sudut. Lebih-lebih lagi kebanggaan terhadap perbezaan tersebutlah yang menyumbang pemilihan faktor ini sebagai antara faktor konflik.

Faktor Agama dan kepercayaan dilihat sebagai faktor kedua utama yang menyumbang kepada konflik etnik. Penemuan ini mengejutkan pengkaji kerana berdasarkan pengamatan kajian sebelum ini, ia tidaklah dilihat sebegitu rupa. Namun pengkaji berasa sedikit lega apabila ditanyakan secara lisan kepada mahasiswa, mereka menyatakan ia tidaklah dilihat sebagai boleh mengancam kestabilan negara. Cuma mengambilkira soal keterbatasan dalam pergaulan harian sahaja. Contohnya seperti tidak boleh berkongsi makanan yang tidak halal, wujud perbezaan hukum terutama berkenaan aurat, makanan, perkahwinan, amalan berpuasa dan selainnya. Kestabilan dalam perbezaan agama inilah keistimewaan yang ada pada rakyat Malaysia. Perlu diingat bahawa, kestabilan ini boleh dianggap rapuh sekiranya rakyat tidak betul-betul berpegang kepada amalan beragama dan terpengaruh dengan anasir luar. (Mansor Mohd Noor (ed.) 2006)

Faktor yang paling utama mendominasi perspektif mahasiswa berdasarkan penilaian mereka ialah berkenaan pengaruh Politik kepartian dan kepimpinan parti yang tiada kawalan. Mahasiswa menyatakan siapakah yang ingin mengawal masalah ini sekiranya individu yang berpengaruh itu sendiri yang sibuk mempengaruhi masyarakat dengan mewujudkan jurang mereka dengan pesaing mereka dari parti yang berbeza. Semakin kuat usaha berkempen, semakin jurang diwujudkan. Lebih parah lagi sekiranya kebenaran dikaburi dan kelemahan ditutupi. Apabila diajukan soalan lisan berkenaan siapakah individu pemimpin, mereka lebih bersetuju untuk menyatakan punca dari penyokong kuat parti yang taksu dan tiada toleransi (semangat demokrasi sebenar). Politik boleh dianggap teras utama kestabilan negara, justeru jalan penyelesaian bersama perlu diberi perhatian serius. (Harris Jadi. 1990)

Bahagian B: Faktor yang lansung TIDAK memberi kesan buruk hubungan etnik.

No.	Item	Bil. Setuju	Keutamaan responden
1	Perbezaan genetik/ras dan etnik	476	7
2	Kelainan bahasa pertuturan	527	6
3	Warna kulit dan bentuk fizikal	717	3
4	Agama dan kepercayaan	278	8
5	Politik kepartian dan kepimpinan parti	104	9
6	Sokongan kumpulan sukan	769	1
7	Persaingan bisnes/perniagaan dan kerjaya	698	4
8	Fesyen, budaya dan kegiatan harian	751	2
9	Penempatan dan kejurangan	538	5
10	Lain-lain: nyatakan...	1(materialistik)	

Merujuk kepada data perolehan soalan awal (Bahagian A), amat jelas bahawa tiga faktor berikut tidaklah dilihat sebagai mengancam hubungan etnik di Malaysia, iaitu:

1. Fesyen, budaya dan kegiatan harian
2. Sokongan kumpulan sukan
3. Warna kulit dan bentuk fizikal

Dapatan bahagian B hanyalah bersifat mengukuhkan dapatan Bahagian A. Apa yang ingin ditekankan ialah Kesemua item yang diketengahkan masih terdapat keraguan munasabah agar semua pihak peka bahawa pelbagai faktor perbezaan berpotensi mencetuskan konflik etnik.

Bahagian C: Skala sejauhmana pendekatan gagasan 1 Malaysia mampu membina perpaduan.

Amat tidak	Lebih tidak	Tidak mampu	kurang mampu	Mampu Sikit	Lebih kurang	mampu	Amat mampu	Lebih mampu	Teramat mampu
1 (10%)	2(20%)	3(30%)	4(40%)	5(50%)	6(60%)	7(70%)	8(80%)	9(90%)	10(100%)
0	2	12	26	147	179	189	171	75	34
10	9	8	7	4	2	1	3	5	6

Dapatan di atas mendapati majoriti (539 responden) menyatakan gagasan 1Malaysia lebih kurang mampu, mampu dan amat mampu dicapai. Ini satu kejayaan awal meyakinkan generasi muda. Kedudukan ini perlu dikekalkan dan dimantapkan.

Namun perlu diutamakan juga seramai 40 responden tidak yakin dengan kemampuan gagasan ini, ditambah dengan 147 responden yang kurang yakin. Dengan bilangan tersebut, pihak kerajaan tidak boleh mendabik dada lega kerana kalau dilihat semula, hanya 34 responden sahaja yang betul-betul yakin akan kemampuan kerajaan.

Perlu diambil perhatian, sekiranya keseluruhan data bahagian C ini dipurata dan diperatuskan, tahap mampu kerajaan menurut perspektif mahasiswa adalah dalam lingkungan **67% sahaja** dalam maksud lebih kurang mampu atau dalam istilah kekampungan “cukup makan” (cukup untuk mendapat kuasa 2/3 dalam parlimen). Inilah kedudukan sebenar yang dapat dilihat secara bandingan mudah sokongan

maksima pengundi dalam keputusan pilihanraya lepas (2008), isu sokongan rakyat terhadap kepimpinan sedia ada.

4. Kesimpulan

Mahasiswa meletakkan faktor utama konflik etnik adalah daripada peranan yang dicituskan oleh pendokong atau kepimpinan politik kepartian dan menyokong parti yang taksu dan tiada toleransi. Begitu juga isu kepercayaan dan keagamaan dalam konteks adat dan ibadat. Mahasiswa juga tidak meletakkan keyakinan sepenuhnya terhadap usaha 1Malaysia ke arah kesatuan rakyat. Dapatan yang diketengahkan ini perlu diberikan kecaknaan tinggi oleh semua pihak terutama sekali kerajaan memerintah.

Secara rumusannya pengkaji melihat bahawa perbezaan perspektif ini perlu dimurnikan. Masyarakat Malaysia perlu melihat konflik dalam kerangka kesepaduan sosial dan gagasan 1Malaysia perlu difahami berdasarkan keperluan rakyat.

5. Bahan Rujukan

- Chamil Wariya. 2010. *Malaysia: Asas Pembinaan Negara Bangsa Institusi Pemerintahan Lambang Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Matrix Media Global.
- Chew Hock Thye. 1975. *Masalah Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Cheng Teik. 1989. *Racial Politics in Malaysia*. Petaling Jaya: FEP International Sdn Bhd.
- Harris Jadi. 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Mohd. Noor, Abdul Rahman Aziz dan Mohammad Ainuddin IskandarLee. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Malaysia.
- Roff. 1980. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shamsul Amri Baharuddin. (ed.). 2012. *Modul Hubungan Etnik*, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor.
- _____. (ed.). 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Universiti Teknologi Mara Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Syed Husin Ali. 2008. *Ethnic Relations in Malaysia, Kuala Lumpur: Strategic Information Research Development*.
- Ting Chew Peh. 1987. *Hubungan Ras dan Etnik*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.